

# Penduduk kota harap bajet atasi isu kemiskinan bandar

Hari Habitat Sedunia disambut pada Isnin pertama Oktober pada setiap tahun. Ia adalah sambutan peringkat global yang dianjurkan semua negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk Malaysia bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membangunkan penempatan manusia yang lebih sempurna, selesa dan kondusif.

Hari Habitat Sedunia disambut setiap tahun bermula pada tahun 1986 dengan objektif meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat dunia mengenai perihalan keadaan penempatan manusia semasa, hak setiap individu untuk memiliki tempat tinggal, jaringan sistem pengangkutan, kemudahan asas yang sempurna serta selesa dan meningkatkan masyarakat antarabangsa mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap masa depan penempatan tamadun manusia.

## Usaha tingkat taraf hidup rakyat

Pada minggu ini juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan membentangkan Bajet 2015. Tidak dinafikan, sudah banyak usaha diambil kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Segala usaha ini dilakukan dengan jayanya melalui penganalan serta pelaksanaan dasar seperti Rancangan Malaysia semenjak tahun 1950, Dasar Ekonomi Baru, dan lain-lain lagi.

Melalui usaha dilakukan pentadbiran Perdana Menteri sekarang, beliau telah mengusahakan Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) yang mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan matlamat untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan menjelang tahun 2020 nanti.

Pada masa sama, negara juga terdedah dengan persekitaran tidak menentu pada peringkat global. Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dilalui bagi terus menjamin kesejahteraan penduduk di negara ini.

Sejajar dengan sambutan Hari Habitat Sedunia serta proses pembentangan bajet negara, beberapa langkah boleh diambil kerajaan bagi terus men-

jamin kesejahteraan hidup rakyat. Antara aspek yang boleh diberikan penekanan ialah dengan memberi fokus kepada masalah kemiskinan bandar, isu gelandangan serta penambahbaikan kemudahan pengangkutan awam.

## Bandar jadi pusat tumpuan

Tidak dinafikan kepesatan ekonomi negara selama ini dengan pembangunan prasarana yang serba canggih dan moden menyebabkan bandar menjadi pusat tumpuan penduduk untuk menetap serta mencari rezeki. Bandar juga menjadi pilihan orang ramai untuk tinggal dengan adanya peluang pekerjaan yang banyak.

Justeru, berlakulah penghijrahan ke dalam dan antara bandar. Peluang ekonomi, pendidikan dan kehidupan sosial berkualiti yang banyak terdapat di bandar juga menjadi tarikan utama proses penghijrahan ini.

Namun, dengan tiada perseediaan dari segi taraf pendidikan, kekurangan tempat tinggal mampu dimiliki serta peningkatan kos sara hidup semenjak kebelakangan ini telah menyebabkan ramai penduduk bandar tersisih dari rentak kerancakan pembangunan bandar itu sendiri. Maka dengan itu penduduk bandar ini dianggap 'miskin' di tengah-tengah kemewahan bandar.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan penduduk kota supaya pada pembentangan bajet nanti aspek menyelesaikan masalah kemiskinan bandar dapat dibuat melalui dasar baharu atau peruntukkan khas untuk warga kota yang memerlukan bantuan.

Kewujudan isu golongan gelandangan yang berada di kota juga telah mendapat perhatian daripada pihak media semenjak kebelakangan ini. Tidak ada sesiapa yang dapat memberi kepastian kenapa perkara ini berlaku di negara ini.

Ada pelbagai faktor penyebab yang menjadikan seseorang memilih untuk menjalani hidupnya sebagai seorang gelandangan mulai dari permasalahan psikologi, kerenggangan hubungan dengan keluarga, atau keinginan untuk hidup bebas. Namun alasan yang paling kerap digunakan dan paling umum adalah kegagalan golongan terbabit dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian serta masalah ekonomi.

Banyak langkah boleh diam-



bil bagi membantu mengurangkan beban golongan terbabit seperti peruntukan khas untuk melatih mereka mendapatkan pekerjaan sesuai. Pada masa sama, kerajaan juga boleh memberi peruntukan menubuhkan lebih banyak Pusat Sehati Intervensi seperti 'Anjung Singah' yang bertujuan membantu serta melindungi gelandangan terbabit terutama gelandangan wanita, kanak-kanak, warga tua dan orang kelainan upaya (OKU).

Penubuhan pusat seperti ini adalah penting bagi menangani isu yang membabitkan golongan terbabit yang sentiasa terdedah dengan risiko bahaya kehidupan seharian tanpa mempunyai sebarang tempat perlindungan di kota.

Dalam era globalisasi ini juga, penggunaan kemudahan pengangkutan awam penting bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, menjimatkan wang dan mengurangkan kadar kemalangan. Ramai pengguna jalan raya kini mula menggunakan pengangkutan alternatif ini bagi memudahkan mereka menuju ke destinasi masing-masing.

## Projek MRT kurangkan beban rakyat

Lantaran itu, mereka telah memilih pelbagai pengangkutan awam yang wujud seperti bas, teksi, LRT, Monorel dan KTM Komuter sebagai pengangkutan utama. Usaha kerajaan membangunkan sistem Mass Rapid Transit (MRT) yang menghubungkan Sungai Buloh hingga ke Kajang yang dijangka siap sepenuhnya padat tahun 2017 harus dipuji kerana projek terbabit dijangka dapat mengurangkan beban rakyat.

Bagaimanapun, menjadi harapan seluruh rakyat juga supaya lebih banyak peruntukan dapat diberikan bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam ini serta membina lebih banyak jaringan pengangkutan awam yang dapat menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar bagi memberi lebih keselesaan dan kesejahteraan kepada semua rakyat negara ini.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



DR MUAFFAR SYAH MALLOW